



SOALAN LAZIM (FAQ) SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2025

A. MySTR

1. **S: Apakah fungsi MySTR?**

J: MySTR digunakan oleh pemohon baharu serta pemohon yang telah mempunyai rekod permohonan STR 2025 dengan fungsi seperti berikut:

- a. Permohonan Baharu
- b. Kemas Kini Permohonan
- c. Permohonan Rayuan
- d. Perubahan Maklumat Asas Permohonan
- e. Semakan Status Permohonan
- f. Cetakan Permohonan
- g. Tukar Kata Laluan
- h. Maklum Balas
- i. Peti Mel

2. **S: Adakah semua pemohon STR perlu mendaftar semula MySTR?**

J: Tidak. Pendaftaran MySTR perlu dibuat semula sekiranya anda tidak Lulus STR 2024 dan ingin membuat permohonan baharu STR 2025.

3. **S: Saya telah memasukkan Nombor MyKad pada Log Masuk STR, tetapi paparan adalah "Tiada Rekod". Apakah yang perlu saya buat?**

J: Mesej berkenaan dipaparkan kerana nombor MyKad anda:

- a. Belum membuat Permohonan Baharu STR; atau
- b. Permohonan Baharu STR yang dikemukakan kepada Pejabat LHDNM belum diambil tindakan oleh Pejabat LHDNM .

Anda perlu membuat Permohonan Baharu STR sekiranya masih belum kemukakan Borang STR 2025.

4. **S: Apakah fungsi MyDigital ID?**

J: MyDigital ID merupakan kemudahan yang dilaksanakan sebagai identiti tunggal rakyat Malaysia dalam mengakses sistem-sistem yang disediakan oleh agensi kerajaan Malaysia selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri semasa Ucapan Belanjawan 2025 pada tahun lalu.

5. **S: Adakah selepas ini saya perlu login menggunakan MyDigital ID sahaja?**

J: Tidak. Pemohon masih boleh log masuk melalui portal STR sedia ada.

B. PENDAFTARAN

6. S: Bagaimana cara untuk log masuk MySTR?

J: Untuk log masuk kali pertama MySTR, anda perlu mendaftar MySTR terlebih dahulu seperti berikut:

- a. Membuat Permohonan Baharu STR secara dalam talian:
 - i. Setelah Permohonan Baharu STR berjaya dihantar Klik 'YA' untuk mendaftar akaun MySTR.
 - ii. Masukkan Kata Kunci Keselamatan yang mudah untuk diingati
 - Format Kata Kunci Keselamatan adalah hanya huruf dan nombor sahaja. Aksara Khas / Simbol tidak dibenarkan
 - Kata Kunci Keselamatan yang didaftarkan adalah sebagai pengesahan setiap kali anda Log Masuk MySTR
 - iii. Jawab 5 Soalan yang disediakan
 - Anda boleh membuat pilihan soalan yang disediakan
 - Jawapan yang didaftarkan akan digunakan untuk pengesahan apabila anda terlupa Kata Laluan
 - iv. Pengesahan soalan dan jawapan yang telah dipilih akan dipaparkan untuk semakan. Sekiranya betul, klik butang Teruskan
 - v. Masukkan Kata Laluan dan Pengesahan Kata Laluan seterusnya Klik butang Daftar
 - Kata Laluan yang didaftarkan mesti mempunyai minimum 8 aksara, mempunyai huruf besar, huruf kecil, nombor dan simbol
 - Kata Laluan yang didaftarkan perlulah mudah dan senang diingati
 - Kata Laluan yang didaftarkan perlu dimasukkan setiap kali anda Log Masuk MySTR
 - vi. Paparan Mesej **"Akaun MySTR telah berjaya didaftarkan. Sila klik MySTR untuk ke menu MySTR"**. Anda boleh Log Masuk MySTR
- b. Maklumat Permohonan telah wujud pada sistem STR 2025:
 - i. Klik Log Masuk STR
 - ii. Masukkan Nombor Mykad (12 Digit)
 - iii. Klik Daftar Akaun
 - iv. Maklumat Keselamatan. Anda perlu menjawab 2 Soalan Keselamatan yang dipaparkan dengan tepat dan betul:
 - Soalan Keselamatan adalah berdasarkan Permohonan STR 2024
 - Sekiranya jawapan yang dimasukkan adalah salah, anda diberi 3 peluang untuk menjawab dengan jawapan yang betul
 - Jika akaun telah disekat kerana salah menjawab soalan Rujuk Jawapan bagi Soalan 9
 - v. Pendaftaran MySTR (setelah berjaya menjawab 2 soalan keselamatan)
 - Masukkan Kata Kunci Keselamatan yang mudah untuk diingati
 - Format Kata Kunci Keselamatan adalah hanya huruf dan nombor sahaja. Aksara Khas / Simbol tidak dibenarkan
 - Kata Kunci Keselamatan yang didaftarkan adalah sebagai pengesahan setiap kali anda Log Masuk MySTR
 - Jawab 5 Soalan yang disediakan
 - Anda boleh membuat pilihan soalan yang disediakan
 - Jawapan yang didaftarkan akan digunakan untuk pengesahan apabila anda terlupa Kata Laluan
 - Pengesahan soalan dan jawapan yang telah dipilih akan dipaparkan untuk semakan. Sekiranya betul, klik butang Teruskan

- Masukkan Kata Laluan dan Pengesahan Kata Laluan seterusnya Klik butang Daftar
 - Kata Laluan yang didaftarkan mesti mempunyai minimum 8 aksara,
 - mempunyai huruf besar, huruf kecil, nombor dan simbol
 - Kata Laluan yang didaftarkan perlulah mudah dan senang diingati
 - Kata Laluan yang didaftarkan perlu dimasukkan setiap kali anda Log Masuk MySTR
- Paparan Mesej “**Akaun MySTR telah berjaya didaftarkan. Sila klik MySTR untuk ke menu MySTR**”. Anda boleh Log Masuk MySTR

7. S: Bagaimana cara untuk log masuk MySTR menggunakan MyDigital ID?

J: Layari portal rasmi Sumbangan Tunai Rahmah 2025 menerusi pautan <https://bantuantunai.hasil.gov.my>.

- a. Untuk **log masuk kali pertama** MySTR menggunakan MyDigital ID, anda perlu memastikan aplikasi MyDigital ID telah dimuat turun pada telefon pintar dan telah mengaktifkan Digital ID.
 - i. Klik pada butang “Permohonan Baharu STR dengan MyDigital ID”
 - ii. Buka laman utama aplikasi MyDigital ID di telefon pintar dan klik pada **butang Imbas QR**
 - iii. Imbas kod QR pada portal menggunakan MyDigital ID di telefon pintar.
 - iv. Setelah berjaya mengimbas kod QR pada portal, notifikasi berikut akan dipaparkan :
 - Klik butang ‘Ya’
 - Isi kata laluan bagi aplikasi MyDigital ID dan klik ‘OK’
 - Jika berjaya, notifikasi **berjaya** akan dipaparkan dan klik ‘OK’
 - v. Setelah berjaya, sistem akan memaparkan borang permohonan baharu dengan maklumat seperti :
 - Nama
 - No MyKad
 - Umur
 - Jantina
 - vi. Maklumat-maklumat lain yang perlu diisi seperti berikut :
 - Maklumat Pemohon
 - Maklumat Pasangan
 - Maklumat Anak
 - Dokumen Sokongan
 - Maklumat Waris
 - vii. Klik butang ‘Teruskan’ setelah semua maklumat diisi dengan lengkap.
 - viii. Seterusnya isi ‘Kod Captcha’ seperti yang dipaparkan pada menu Pengesahan dan klik butang ‘Sahkan Captcha’.
 - Paparan **Perakuan Pemohon** akan dipaparkan. Sila pastikan maklumat yang dipaparkan tepat kemudian ‘Tick’ kotak perakuan .
 - Klik butang ‘Hantar’ bagi meneruskan permohonan.
 - ix. Setelah permohonan berjaya dihantar, paparan menu pilihan log masuk akan dipaparkan. Pemohon boleh memilih kaedah log masuk sama ada menggunakan :
 - **MyDigital ID sahaja**, atau
 - **MyDigital ID atau MySTR**
 - x. Jika **MyDigital ID sahaja** dipilih, butang ‘Daftar’ akan dipaparkan.
 - Klik pada butang ‘Daftar’

- Notifikasi 'Pilihan log masuk telah berjaya disimpan! Anda boleh log masuk menggunakan MyDigital ID sahaja.' Klik 'OK'.
 - xi. Jika **MyDigital ID** atau **MySTR** dipilih, butang 'Daftar' akan dipaparkan.
 - Klik pada butang 'Daftar'
 - Notifikasi 'Pilihan log masuk telah berjaya disimpan! Anda boleh log masuk menggunakan kata laluan yang telah disimpan atau menggunakan MyDigital ID.' Klik 'OK'.
 - xii. Setelah selesai laman menu MySTR akan dipaparkan.
- b. Log Masuk dengan MyDigital ID bagi **maklumat Permohonan telah wujud** pada sistem STR 2025 :
- i. Klik pada butang 'Log Masuk dengan MyDigital ID'
 - ii. Buka laman utama aplikasi MyDigital ID di telefon pintar dan klik pada **butang Imbas QR**
 - iii. Imbas Kod QR pada portal menggunakan aplikasi MyDigital ID di telefon pintar.
 - iv. Notifikasi menghantar digital ID akan dipaparkan dan klik 'Ya'.
 - Masukkan kata laluan dan klik 'OK'
 - Notifikasi berjaya dipaparkan dan klik 'OK'
 - v. Menu pilihan log masuk akan dipaparkan. Pemohon boleh memilih kaedah log masuk sama ada menggunakan :
 - **MyDigital ID sahaja**, atau
 - **MyDigital ID atau MySTR**
 - vi. Jika **MyDigital ID sahaja** dipilih, butang 'Daftar' akan dipaparkan.
 - Klik pada butang 'Daftar'
 - Notifikasi 'Pilihan log masuk telah berjaya disimpan! Anda boleh log masuk dengan menggunakan MyDigital ID sahaja.'
 - MySTR akan dipaparkan jika pemohon berjaya log masuk.
 - vii. Jika **MyDigital ID atau MySTR** dipilih, butang 'Kata Kunci Keselamatan' dan 'Pilihan Soalan' akan dipaparkan.
 - Sila isikan kata kunci keselamatan
 - Sila isikan 5 pilihan soalan
 - Setelah berjaya mengisi kata kunci keselamatan dan pilihan soalan, klik butang 'Teruskan'.
 - Hasil pengisian kata kunci keselamatan dan pilihan soalan akan dipaparkan dan klik 'Teruskan'.
 - viii. Masukkan 'Kata Laluan' dan klik 'Daftar'
 - Jika kata laluan berjaya didaftar, notifikasi berjaya disimpan akan dipaparkan. Klik 'OK'.
 - ix. Laman Menu MySTR akan dipaparkan jika anda berjaya Log Masuk.
8. **S: Saya telah memasukkan Nombor MyKad pada Log Masuk STR dan paparan adalah "ID Pengenalan belum didaftarkan. Sila klik Daftar Akaun untuk mendaftar akaun MySTR", apakah yang perlu saya buat?**
- J: Mesej berkenaan dipaparkan merujuk kepada nombor MyKad anda telah wujud dalam maklumat STR tetapi anda masih belum mendaftar akaun MySTR. Oleh itu, pendaftaran MySTR boleh dibuat seperti **Jawapan bagi Soalan 4**.

9. **S: Saya telah berjaya membuat pendaftaran MySTR. Apakah tindakan selanjutnya yang perlu saya buat?**

J: Sekiranya anda telah berjaya membuat pendaftaran MySTR, anda boleh membuat capaian Menu MySTR bagi tujuan seperti **Jawapan bagi Soalan 1**.

10. **S: Bagaimana cara untuk log masuk MySTR setelah saya berjaya membuat pendaftaran MySTR?**

J: Sekiranya anda telah berjaya membuat pendaftaran MySTR, Log Masuk MySTR adalah seperti berikut:

- a. Klik Log Masuk STR
- b. Masukkan Nombor MyKad (12 Digit)
- c. Klik Butang Semak
- d. Pengesahan Kata Kunci Keselamatan yang telah didaftarkan
- e. Masukkan Kata Laluan yang telah didaftarkan
- f. Klik Log Masuk

11. **S: Bagaimana cara untuk Tukar Kata Laluan MySTR?**

J: Anda perlu Log Masuk MySTR terlebih dahulu menggunakan kata laluan sedia ada dan klik menu Tukar Kata Laluan.

- a. Masukkan Kata Laluan Semasa / Lama
- b. Masukkan Kata Laluan Baharu
- c. Sahkan Kata Laluan Baharu
- d. Klik Tukar

Kata Laluan Baharu telah berjaya ditukar. Anda boleh Log Masuk MySTR menggunakan kata laluan baharu.

C. LAIN-LAIN

12. **S: Saya telah berjaya daftar MySTR, tetapi saya terlupa Kata Laluan semasa Log Masuk MySTR. Apa tindakan yang perlu saya lakukan?**

J: Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- a. Klik Terlupa Kata Laluan
- b. Klik Semak
 - i. Mempunyai e-mel yang berdaftar pada Permohonan STR 2024
 - Masukkan e-mel yang berdaftar pada Permohonan STR dan klik seterusnya
 - Kata laluan sementara akan di-e-melkan pada e-mel yang didaftarkan
 - Semak e-mel dan log masuk semula MySTR
 - Masukkan Nombor MyKad (12 Digit) dan sahkan kata kunci keselamatan
 - Masukkan Kata Laluan Sementara yang telah diemelkan dan set semula Kata Laluan Baharu
 - ii. Tidak mempunyai e-mel / e-mel tidak sama seperti yang berdaftar pada STR 2024 / e-mel tidak sah
 - Set semula kata laluan melalui e-mel tidak boleh dibuat

- Sahkan kata kunci keselamatan
- Pemohon perlu menjawab 3 soalan keselamatan yang telah didaftarkan sebelum ini
- Masukkan Kata Laluan Baharu dan Sahkan Kata Laluan

13. S: Saya telah tersilap menjawab soalan keselamatan dan paparan mesej “Anda telah gagal menjawab soalan keselamatan lebih dari 3 kali. Sila cuba semula selepas 24 jam”. Apa yang perlu saya lakukan?

J: Sekiranya anda tersilap menjawab kata laluan setelah 3 kali percubaan diberikan. ID permohonan akan disekat. Selepas 24 jam, anda boleh log masuk semula MySTR dengan menjawab soalan keselamatan yang diberikan tanpa perlu menghubungi talian Hotline BKK 1-800-88-2747 atau hadir ke Pejabat LHDNM .

14. S: Saya telah tersilap menjawab soalan keselamatan dan paparan mesej “Anda telah gagal menjawab soalan keselamatan lebih dari 3 kali. Sila cuba semula selepas 24 jam”. Jika saya masih lupa jawapan bagi soalan keselamatan berkenaan, apakah yang perlu saya lakukan?

J: Sekiranya anda terlupa jawapan bagi soalan keselamatan berkenaan, anda boleh menghubungi talian Hotline BKK 1-800-88-2747 atau hadir ke Pejabat LHDNM untuk set semula akaun STR. Selepas akaun STR telah diset semula, anda perlu mendaftar semula MySTR dan menjawab soalan keselamatan yang dipaparkan.

15. S: Apakah fungsi menu di bawah pada paparan MySTR

J: Fungsi menu pada paparan MySTR adalah seperti berikut:

a. Permohonan Baharu

Menu untuk membuat Permohonan Baharu STR 2025 sekiranya tidak wujud maklumat pada sistem STR atau tidak pernah membuat permohonan STR. Maklumat lanjut rujuk **Soalan Lazim (FAQ) Permohonan STR 2025**.

b. Kemas Kini Permohonan

Menu bagi pengemaskinian maklumat permohonan bagi terhad kepada Permohonan Baharu dan Permohonan Sedia Ada STR. Maklumat lanjut rujuk **Soalan Lazim (FAQ) Permohonan STR 2025**.

c. Permohonan Rayuan

Menu bagi pengemaskinian maklumat permohonan dengan maklumat terkini terhad bagi permohonan berstatus Tidak Lulus dan Lulus termasuk pengemukaan rayuan tambahan. Maklumat lanjut rujuk **Soalan Lazim (FAQ) Permohonan STR 2025**.

d. Perubahan Maklumat Asas Permohonan

Menu bagi pengemaskinian maklumat asas sahaja terhad bagi permohonan berstatus Lulus. Maklumat lanjut rujuk **Soalan Lazim (FAQ) Permohonan STR 2025**.